

Usaha perkasa rakyat tak jatuhkan kerajaan

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim yakin, segala usaha dilaksana bagi memperkasakan rakyat, terutama membantu golongan yang memerlukan, tidak akan menjatuhkan kerajaan.

Sebaliknya, Perdana Menteri menegaskan, kerajaan hanya akan tumbang disebabkan rasuah, penyelewengan, tamak haloba dalam kalangan pemimpin serta mengaut harta yang bukan hak mereka.

“Pendapat saya mudah, asas ekonomi yang mudah, saya tak pernah baca, pengalaman sejarah, sama ada sejarah Islam, China purba, India, Arab atau Amerika Latin, bahawa kerajaan itu jatuh kerana tolong, belanja banyak untuk orang miskin, saya tak pernah dengar.

“Belum pernah tercatat dalam lembaran sejarah mana-mana pemerintah itu kalah, jatuh kerana membantu rakyat miskin atau menaikkan gaji yang sepatutnya, diberi upah yang adil... tidak pernah,” tegasnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Peluncuran Residensi MADANI Putrajaya di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa; Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming serta Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.



Anwar menyampaikan surat tawaran residensi kepada penerima pada Majlis Peluncuran Residensi MADANI Putrajaya di Tapak Residensi Sentral Presint 7 Putrajaya, semalam. Turut hadir, Dr Zaliha, Kor Ming, Shamsul Azri (kiri) dan Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk Fadlun Mak Ujud (kanan). (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

Residensi MADANI Putrajaya di antara tujuh projek perumahan mampu milik sekitar pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang dijangka siap menjelang 2028.

Bagi Residensi MADANI Putrajaya, sejumlah 4,000 unit bakal ditawarkan kepada rakyat dengan harga serendah RM200,000 seunit.

Dalam pada itu, Anwar meminta semua pihak yang terbabit dalam projek perumahan mampu milik supaya tidak melengah-lengahkan

pembinaan kediaman berkenaan.

Katanya, tidak seharusnya sesuatu projek memberi manfaat besar kepada rakyat memerlukan, dipersulitkan dan dilewatkan.

“Saya harap jangan ada lewat-lewatkan (persiapan projek), melambatkan tiga bulan, enam bulan, itu mendera rakyat yang menunggu sehingga menyebabkan kos meningkat..

“Jadi pastikan pengawasannya, kecepatan pelaksanaan projek dan kalau ada apa-apa masalah dari sudut kerena birokrasi, selesaikan secepat mungkin.

“Saya nak pecahkan tembok

yang mempersulitkan, orang nak rumah kena tunggu, pemaju (pula) kosnya meningkat,” katanya.

Dalam perkembangan berasingan, Perdana Menteri berkata, keputusan menaikkan kadar gaji minimum kepada RM1,700 seperti diumumkan dalam Belanjawan 2025 adalah tekad politik yang jelas oleh Kerajaan MADANI,

Beliau berkata, pentadbirannya mengambil langkah berani dan bersungguh-sungguh kerana tidak sanggup melihat golongan pekerja dilayan dengan tidak adil dalam negara yang sedang menikmati pertumbuhan baik.